

10/02/1998

Badan khas urus sumbangan boleh yakinkan rakyat

KUALA LUMPUR, Isnin - Penubuhan badan khas untuk mengumpul sumbangan rakyat dapat memastikan bantuan itu sampai terus kepada kerajaan bagi membantu negara menangani kegawatan ekonomi yang berlaku sekarang.

Beberapa pihak yang dihubungi hari ini sependapat pembentukan badan khas itu dapat mengawal urusan kutipan sumbangan berkenaan dan ke mana ia disalurkan.

Setiausaha Agung Cuepacs, Siva Subramaniam, berkata rakyat pasti tidak teragak-agak untuk menderma bagi membantu negara, tetapi inginkan jaminan sumbangan mereka itu sampai kepada kerajaan.

"Kita bimbang kutipan sumbangan seperti ini jika tidak dikawal pengumpulannya tidak akan sampai kepada kerajaan atau sebahagian daripadanya akan digunakan untuk perbelanjaan pengurusan, yang mana ini adalah satu penipuan kepada rakyat.

"Sehubungan itu, penubuhan badan khas yang menguruskan kutipan dan pengumpulan sumbangan ini dapat meyakinkan rakyat bahawa sumbangan mereka tidak akan disalahgunakan," katanya dalam satu kenyataan yang dikeluarkan, di sini hari ini.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, semalam berkata kerajaan akan menubuhkan sebuah badan khas bagi mengumpul sebarang sumbangan rakyat untuk meningkatkan simpanan negara.

Katanya, orang ramai boleh memberi apa juga sumbangan seperti harta, barang dan wang kepada badan itu. Hasil kutipan boleh dijual untuk mendapatkan tukaran asing dan dijadikan sebahagian rizab negara.

Aktivis masyarakat, Datuk Lee Lam Thye, menyifatkan langkah kerajaan menubuhkan badan khas itu sebagai wajar dalam usaha menggembleng sumber kewangan bagi memulihkan ekonomi negara.

Beliau berkata, langkah itu membolehkan sumbangan dikumpul daripada rakyat seterusnya disalurkan terus kepada kerajaan.

Bagaimanapun, Lee mencadangkan kerajaan berhati-hati memilih individu yang bertanggungjawab mengendalikan badan itu bagi memastikan penubuhannya mencapai matlamat.

"Badan ini harus dianggotai ahli yang pakar dalam pengurusan kewangan," katanya.

Penubuhan badan khas itu turut mendapat sokongan orang awam, yang menyifatkannya sebagai satu alternatif baru bagi meningkatkan simpanan negara di samping membantu negara pada waktu kecemasan tanpa perlu meminta bantuan daripada badan antarabangsa.

Mereka turut berpendapat pembentukan badan itu membolehkan rakyat memaparkan semangat patriotik dengan kesanggupan mengorbankan sedikit kesenangan bagi membantu negara.

(END)